



PEMBERITAHUAN

BERHATI-HATI MAKLUMAT TIDAK BENAR MENGENAI PEMBERIAN VAKSIN

CYBERJAYA, 9 Julai 2021 --- Orang awam dinasihatkan untuk berhati-hati dengan penularan maklumat tidak benar berkaitan pemberian vaksin, terbaharu mengenai maklumat tidak benar melibatkan dakwaan pemberian vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bangi Avenue Convention Centre (BACC) yang ditularkan melalui WhatsApp.

Pemberian maklumat peribadi kepada pihak yang tidak dikenali juga secara tidak langsung boleh membuka ruang kepada risiko eksploitasi maklumat peribadi dan pelanggaran privasi.

Semua maklumat mengenai program vaksinasi perlu dirujuk kepada saluran-saluran rasmi Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) dan Pejabat Kesihatan Daerah di tempat tinggal masing-masing.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

www.mcmc.gov.my